

## Tatalaku Perniagaan Monsanto

---

## Mesej daripada Pengerusi dan CEO kita, Hugh Grant

---

Rakan-Rakan Monsanto Sekalian,

Di Monsanto, visi kita untuk meningkatkan pengeluaran, meningkatkan pemuliharaan, dan meningkatkan taraf hidup di serata dunia menjadi inti segala yang kita lakukan. Usaha kita untuk menjadikan visi ini satu realiti memerlukan komitmen yang padu terhadap integriti dalam segala operasi perniagaan kita. Tatalaku Perniagaan Monsanto merupakan alat penting bagi membantu kita dalam usaha ini, dan kita mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semula Tatalaku ini demi menghuraikan dengan lebih kemas dan lengkap pelbagai situasi yang pekerja kita hadapi dalam urusan setiap hari.

Keputusan yang kita buat dalam perniagaan mempunyai kesan langsung pada pelanggan kita, rakan niaga, pemilik saham dan komuniti tempat kita hidup dan bekerja. Ini bermakna kita perlu sentiasa melakukan apa yang betul, meskipun berdepan dengan situasi yang tidak ditentukan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan tertentu. Tatalaku kita dirumuskan untuk membantu kita membuat pilihan yang tepat dengan memberikan petunjuk yang jelas bagi peri laku perniagaan yang wajar.

Tatalaku kita hanya teguh jika tekad kita untuk mematuhi juga teguh. Saya menggalakkan anda supaya meluangkan masa untuk memahami sepenuhnya Tatalaku kita dan menggunakannya sebagai pedoman dalam tugas anda, serta mengemukakan apa jua isu atau persoalan tentang Tatalaku atau pelanggaran yang disyaki terhadapnya. Kita masing-masing bertanggungjawab untuk bertindak dengan integriti, sambil bekerja bersama-sama untuk mencapai visi kita dan menyokong para peladang di serata dunia.

Terima kasih atas komitmen anda kepada integriti kita, syarikat kita dan pelanggan kita.

Yang benar,

Hugh Grant  
Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Monsanto

# Kandungan

---

<b>Mesej daripada Pengerusi dan CEO kita, Hugh Grant.....</b>	<b>i</b>
<b>Ikrar Kita .....</b>	<b>v</b>
<b>Visi Kita bagi Pertanian Lestari.....</b>	<b>vii</b>
<b>Pengenalan.....</b>	<b>1</b>
Tentang Tatalaku Kita .....	1
Skop Tatalaku Kita .....	1
Tanggungjawab Kita Di Bawah Tatalaku Ini .....	1
Pelaporan dan Tindakan Balas Dendam .....	2
Siasatan .....	3
Akibat Salah Laku .....	4
<b>Komitmen Kita kepada Warga Kerja.....</b>	<b>5</b>
Tempat Kerja yang Inklusif .....	5
Persekitaran yang Selamat, Sihat dan Aman.....	5
Dadah dan Alkohol.....	5
Keganasan di Tempat Kerja.....	6
Menghormati Hak Asasi Manusia .....	6
Privasi Maklumat Peribadi .....	7
<b>Komitmen Kita kepada Rakan, Pelanggan dan Pembekal Kita.....</b>	<b>8</b>
Pengelolaan Produk .....	8
Penyelidikan Sains.....	8

Integriti dan Kualiti Produk .....	8
Pematuhan Peraturan.....	9
Amalan Pasaran Bebas.....	9
Mematuhi Undang-Undang Persaingan.....	10
Maklumat Rahsia Monsanto dan Syarikat Lain .....	10
Persatuan Perdagangan .....	11
Menghormati Privasi dalam Maklumat Rahsia .....	11
Hubungan Penjual dan Pelanggan .....	12
<b>Komitmen Kita kepada Syarikat dan Pemilik Saham Kita .....</b>	<b>13</b>
Elakkan Konflik Kepentingan .....	13
Hadiah dan Hiburan untuk Urusan Perniagaan .....	13
Peluang Korporat.....	13
Pekerjaan Di Luar Syarikat .....	13
Berurusan dengan Ahli Keluarga dan Sahabat Handai .....	14
Kepentingan Kewangan.....	14
Melindungi Aset dan Maklumat Syarikat.....	14
Maklumat Rahsia dan Empunya .....	14
Harta Intelek .....	15
Gunakan Teknologi Syarikat Dengan Sewajarnya.....	16
Penggunaan Media Sosial .....	17
Keselamatan Maklumat.....	17
Menjaga Rekod Kewangan yang Jujur .....	17
Pengekalan Rekod.....	18

Komunikasi Luaran yang Tepat .....	18
Larangan Perdagangan Orang Dalam dan Memberi "Petua" .....	19
<b>Komitmen kepada Dunia Kita.....</b>	<b>20</b>
Perlindungan Alam Sekitar .....	20
Larangan Terhadap Sogokan dan Amalan Rasuah .....	20
Bayaran Kesihatan dan Keselamatan .....	21
Urus Niaga Mata Wang yang Beretika .....	21
Mematuhi Undang-Undang Perdagangan .....	22
Undang-Undang Anti Boikot.....	22
Sekatan Ekonomi dan Pihak Terlarang .....	22
Sumbangan Politik dan Amal yang Wajar .....	23
<b>Penepian.....</b>	<b>25</b>

## Ikrar Kita

---

Ikrar Monsanto merupakan komitmen kepada cara kita melakukan urusan. Ikrar ini mengisytiharkan apa yang mendorong kita supaya lebih banyak mendengar, mempertimbangkan tindakan kita dan kesannya secara meluas, dan memimpin dengan bertanggungjawab. Ikrar ini membantu kita menjelmakan nilai-nilai kita menjadi tindakan, dan menjelaskan siapa kita dan apa yang kita perjuangkan.

### **Integriti**

Integriti merupakan asas bagi segala yang kita lakukan. Integriti merangkumi kejujuran, maruah, keseragaman, dan ketabahan. Dengan berlunaskan nilai-nilai tersebut, kita bertekad untuk:

### **Dialog**

Kita akan mendengar berbagai sudut pandangan dengan teliti dan turut serta dalam dialog yang bernas. Kita akan meluaskan pemahaman kita tentang pelbagai isu demi menghadapi keperluan dan persoalan masyarakat dan satu sama lain dengan lebih sempurna.

### **Ketelusan**

Kita akan memastikan maklumat tersedia, mudah didapati dan mudah difahami.

### **Berkongsi**

Kita akan berkongsi pengetahuan dan teknologi demi menjayakan pemahaman sains, meningkatkan pertanian dan alam sekitar, meningkatkan hasil tanaman, dan membantu peladang di negara membangun.

### **Manfaat**

Kita akan menggunakan sains yang bernas dan berdaya pembaharuan, serta pengelolaan yang berhemah dan berkesan, demi menghasilkan produk berkualiti tinggi yang bermanfaat untuk pelanggan kita dan alam sekitar.

### **Hormat**

Kita akan menghormati persoalan agama, budaya dan etika semua orang di serata dunia. Keselamatan pekerja kita, komuniti tempat kita berurusan, pelanggan kita, pengguna dan alam sekitar akan menjadi keutamaan kita yang tertinggi.

### **Berkelakuan sebagai Pemilik bagi Mencapai Hasil**

Kita akan mewujudkan hala tuju, peranan dan kebertanggungjawapan yang lebih jelas; membina pertalian kukuh dengan pelanggan dan rakan luar kita; membuat keputusan yang bijak; mengelola sumber-sumber syarikat; dan memikul tanggungjawab bagi mencapai hasil yang disepakati bersama.

### **Mencipta Tempat Kerja yang Hebat**

Kita akan memastikan kepelbagaian warga kerja dan pemikiran; memupuk inovasi, daya kreatif dan pembelajaran; mengamalkan kerjasama kumpulan yang merangkumi semua; serta memberi ganjaran dan mengiktiraf kebolehan warga kerja kita.



## Visi Kita bagi Pertanian Lestari

---

### **Meningkatkan pengeluaran**

*Kita bertekad untuk meningkatkan hasil tanaman demi memenuhi kenaikan permintaan untuk makanan, serat dan bahan api.*

### **Meningkatkan pemuliharaan**

*Kita bertekad untuk mengurangkan jumlah tanah, air dan tenaga yang diperlukan untuk mengusahakan tanaman kita.*

### **Meningkatkan taraf hidup**

*Kita bertekad untuk meningkatkan taraf hidup di serata dunia.*

**Ini adalah pertanian lestari, dan inilah apa yang kita lakukan.**



# Pengenalan

---

## Tentang Tatalaku Kita

Di Monsanto, kita melakukan sesuatu dengan cara yang betul – secara terbuka, jujur dan dengan penuh hormat dan integriti. Sikap ini kita pandang tinggi. Tetapi nilai kita sahaja tidak dapat membimbing segala kelakuan kita. Tatalaku kita – di samping dasar kita, prosedur dan undang-undang – wujud untuk membantu kita.

Tatalaku kita menjelaskan peri laku yang dikehendaki daripada kita semasa bekerja dengan Monsanto, dan mengukuhkan nilai-nilai bersama kita melalui contoh praktikal. Tatalaku mengajar kita cara mencapai matlamat perniagaan dengan integriti – bukan sekadar sebagai satu kewajipan. Tatalaku ini berdasarkan pada undang-undang, peraturan, kaedah dan dasar yang kita perlu ketahui semasa melakukan tugas, dan memberi panduan kepada sumber-sumber yang berkaitan apabila kita memerlukan penerangan lanjut.

Paling penting, Tatalaku kita membantu kita memelihara kepercayaan yang telah kita bina dengan para pihak berkepentingan, rakan niaga, pemilik saham, komuniti, Syarikat kita dan satu sama lain. Tatalaku ini mengukuhkan pendirian kita tentang topik seperti Ikrar kita, hak asasi manusia, kelestarian, dan menguruskan perniagaan dengan cara yang betul.

Bacalah Tatalaku ini dengan teliti, sambil menumpukan perhatian pada bahagian-bahagian yang paling berkaitan dengan tugas anda. Di seluruh Tatalaku ini, sumber tambahan telah disenaraikan dan tersedia bagi menjawab pertanyaan, menghuraikan persoalan dan memastikan setiap isu difahami dan dikendalikan dengan sewajarnya. Anda juga mungkin dapat menemui dasar-dasar yang relevan di Intranet Monsanto.

## Skop Tatalaku Kita

Tatalaku kita tidak mewujudkan taraf berbeza-beza untuk pelbagai kumpulan. Tatalaku ini berkuat kuasa sama rata pada semua pekerja, pegawai dan pengarah Monsanto, serta semua subsidiari kita di seluruh dunia. Tambahan pula, semua pembekal, konsultan, ejen, wakil jualan, pengedar dan kontraktor bebas kita juga dikehendaki menegakkan taraf yang sama. Kita bercita-cita untuk mengurus niaga hanya dengan pihak ketiga yang mempunyai reputasi berintegriti. Pokoknya, sesiapa sahaja yang mewakili Monsanto atau bekerja bagi pihak Syarikat kita dikehendaki berkelakuan sejajar dengan Tatalaku kita. Jika ada pertanyaan tentang skop Tatalaku ini, atau ragu-ragu bagaimana bahagian tertentu Tatalaku ini berkait guna kepada anda, berbincanglah dengan pengurus anda, Pejabat Peri Laku Perniagaan atau sumber lain yang disenaraikan di halaman-halaman ini.

## Tanggungjawab Kita Di Bawah Tatalaku Ini

Kita semua yang bekerja di Monsanto atau bagi pihaknya mempunyai tanggungjawab untuk bertindak dengan integriti. Bukan dalam situasi tertentu sahaja, atau apabila diperhatikan orang – setiap tindakan yang kita ambil mestilah sesuai dengan undang-undang dan beretika. Kita berkewajipan untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan di setiap lokasi kita bekerja. Kita juga dikehendaki supaya arif dengan dasar yang bersesuaian dengan pekerjaan kita dan meminta panduan apabila ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil atau keputusan beretika yang patut dibuat.

Sebagai pemimpin dalam Syarikat kita, para pengurus Monsanto ada beberapa tanggungjawab tambahan. Jika anda memegang peranan pengurusan dalam Monsanto, anda dikehendaki:

- Menjadi teladan peri laku perniagaan yang wajar
- Mengukuhkan nilai-nilai Monsanto dalam komunikasi lazim anda dengan pekerja
- Mewujudkan dan memelihara persekitaran kerja yang menggalakkan pekerja agar memahami apa yang dikehendaki daripada mereka dan berasa selesa menyampaikan persoalan atau melaporkan salah laku
- Menimbangkan pendedahan konflik kepentingan pekerja dan membuat keputusan demi kepentingan terbaik Monsanto
- Melanjutkan laporan pelanggaran Tatalaku kepada Pejabat Peri Laku Perniagaan (BCO)
- Jangan sekali-kali mengambil atau membenarkan tindakan balas dendam terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan suci hati

## Pelaporan dan Tindakan Balas Dendam

Tidak kira apa pangkat kita di Monsanto, kita *semua* sama-sama bertanggungjawab untuk melaporkan salah laku, baik yang sebenarnya terjadi atau disyaki. Dalam bahagian ini, kita mempelajari pelbagai cara kita dapat meminta bimbingan atau membuat laporan, serta manfaat laporan salah laku dalam operasi kita.

Walaupun kita semua dikehendaki mematuhi Tatalaku, dasar dan prosedur Syarikat, serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan, kesilapan tetap terjadi. Adalah penting untuk kita bersuara apabila kita menyaksikan perbuatan yang mungkin menyalahi etika atau undang-undang, dan membolehkan Syarikat membetulkan isu berkenaan. Melaporkan pelanggaran oleh orang lain tidak bererti kita sendiri secara automatik terlindung daripada kesilapan. Namun langkah itu menjadikan Monsanto tempat kerja yang lebih sempurna, dan *sentiasa* lebih baik daripada tidak menyuarakan apa-apa pun.

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang Tatalaku kita, memerlukan nasihat tentang isu undang-undang atau etika atau ingin melaporkan salah laku yang sebenar atau disyaki, sumber berikut disediakan untuk anda:

- Pemimpin Warga Kerja Anda
- Pengurus Pemimpin Warga Kerja Anda
- Wakil Umum Sumber Manusia Anda
- Jabatan Undang-Undang
- Pejabat Peri Laku Perniagaan

Apa jua perbuatan jenayah, rasuah, penipuan atau salah pernyataan yang material tentang keadaan kewangan kita mesti dilaporkan atau dilanjutkan kepada Pejabat Peri Laku Perniagaan, yang dapat dihubungi melalui salah satu cara berikut:

- Pejabat Peri Laku Perniagaan
  - Talian Pemberitahuan Monsanto: 877-781-2431
  - Telefon Pejabat: 800-886-0782
  - E-mel: [business.conduct@monsanto.com](mailto:business.conduct@monsanto.com)
  - Pos: P.O. Box 21526, St. Louis, MO 63132, USA
  - Pautan ke Talian Telefon Antarabangsa BCO: [talian antarabangsa BCO](#)
  - Pautan ke laman Pengemukaan Web: [AS sahaja](#) dan [semua negara lain](#)

Monsanto memahami bahawa melaporkan salah laku yang sebenar atau disyaki tidak selalunya mudah. Tetapi, Syarikat mempunyai komitmen tegas untuk tidak membiarkan balas dendam, sehingga kita bebas membuat laporan dengan suci hati tanpa bimbang kesan negatif atas pekerjaan kita kelak. Membuat laporan dengan "suci hati" semata-mata bererti memberikan segala maklumat yang kita miliki, dan yakin maklumat itu benar. Sesiapa yang didapati membalas dendam terhadap orang lain kerana membuat laporan dengan suci hati akan dikenakan tindakan disiplin – sehingga dan termasuk pemberhentian kerja.

Jika dibenarkan undang-undang setempat, anda boleh membuat laporan tanpa pengenalan diri, dan Monsanto tidak akan melakukan apa-apa untuk mengetahui pengenalan diri anda. Laporan tanpa pengenalan diri dipandang serius dan disiasat dengan seberapa rapi. Laporan seperti itu memang menyulitkan Monsanto untuk membuat siasatan sepenuhnya. Oleh itu, demi siasatan yang rapi, semua fakta patut dilaporkan secara lengkap dan terperinci, walaupun nampak remeh. Jika anda memberikan pengenalan diri, tetapi mahu pengenalan anda dirahsiakan, Monsanto akan memenuhi permintaan anda sejauh yang diizinkan undang-undang atau sejauh yang mungkin dalam proses penyiasatan. Apa jua data peribadi yang terkait dengan laporan dan/atau siasatan berkenaan akan di proses, disimpan dan dipindahkan pada kadar minimum yang perlu untuk menyiasat aduan sejajar dengan undang-undang berkenaan, termasuk undang-undang privasi. Anda akan dimaklumkan setiap kali aduan dibuat yang menyalahkan anda atas sesuatu salah laku atau peri laku tak wajar, kecuali jika makluman itu boleh menjejaskan siasatan.

## Siasatan

Pejabat Peri Laku Perniagaan meninjau dan bertindak terhadap semua dakwaan salah laku. Ertinya, apa jua laporan yang anda buat akan dipandang serius dan diberikan waktu dan perhatian yang wajar. Bergantung pada keadaan, anda mungkin diminta memberikan maklumat tambahan. Jika laporan dibuat tanpa pengenalan diri, maklumat boleh dipungut tanpa memerlukan pengenalan diri. Monsanto menghormati privasi setiap individu dan mengendalikan setiap laporan secara rahsia, sejajar dengan keperluan menjalankan siasatan yang rapi dan mematuhi undang-undang tempatan.

---

S: Imran mengesyaki salah seorang rakannya menyogok pegawai kerajaan. Dia ada bukti untuk menyokong dakwaannya, tetapi khuatir jika dia mendedahkan terlalu banyak butir-butir, rakan kerja itu akan tahu dia yang membuat aduan. Dia memutuskan untuk menghubungi Pejabat Peri Laku Perniagaan tanpa mendedahkan pengenalan diri dan melaporkan kecurigaannya dengan sekadar mendakwa bahawa rakannya mungkin melakukan amalan rasuah. Pada andaiannya, Monsanto tentu dapat membuat siasatan lanjut berdasarkan maklumat ini. Adakah Imran membuat laporan yang berkualiti?

J: Tidak. Walaupun Imran mengambil tindakan yang betul, iaitu bersuara tentang salah laku etika yang disyaki itu, dia tidak memberikan maklumat yang cukup untuk Monsanto melancarkan siasatan yang berkesan. Memandangkan Imran mempunyai bukti untuk menyokong dakwaan terhadap rakannya, adalah penting untuk dia memberikan bukti itu kepada Pejabat Peri Laku Perniagaan. Malah dia boleh berbuat begitu tanpa mendedahkan pengenalan diri, kerana Monsanto mempunyai cara berkomunikasi dengan kita tanpa mendedahkan pengenalan diri, selagi dibenarkan undang-undang tempatan.

---

## **Akibat Salah Laku**

Kita semua diberikan alat yang perlu untuk mengambil tindakan yang betul. Seandainya terjadi salah laku, akibatnya mungkin serius. Pelanggaran terhadap Tatalaku, dasar Syarikat atau undang-undang mungkin membawa tindakan disiplin – sehingga dan termasuk pemberhentian kerja. Membuat dakwaan palsu juga merupakan salah laku, tidak kira sama ada dengan pengenalan diri atau pun tidak. Salah laku dari segi undang-undang dan etika juga menyebabkan individu yang terlibat dan juga Monsanto menghadapi denda, hukuman dan pendakwaan sivil atau jenayah.

## Komitmen Kita kepada Warga Kerja

---

### Tempat Kerja yang Inklusif

Cara kita melayani satu sama lain memberi kesan besar pada cara orang lain memandang kita. Sebagai sebuah Syarikat, kita tetap bertekad untuk menegakkan keragaman, kerana kita faham bahawa kepelbagaian latar belakang dan pengalaman meningkatkan nilai kerja kita. Sebagai individu, kita mesti melayani satu sama lain secara adil, menghormati bakat dan buah fikiran unik yang dibawa ke dalam Monsanto oleh setiap pekerja. Komitmen kita kepada warga kerja inilah yang menghasilkan reputasi padu dan kejayaan berterusan bagi kita.

Demi menegakkan komitmen ini, kita perlu membuat keputusan tentang penggajian berdasarkan kelebihan seseorang. Dasar Monsanto melarang diskriminasi kerana bangsa, warna kulit, agama, jantina, umur, asal usul kebangsaan, kekurangan upaya, taraf bekas tentera, pengenalan jantina, ekspresi jantina, orientasi seksual, yang sebenarnya mahupun yang disangka, seperti yang ketara oleh pengenalan diri, perbuatan, pernyataan atau hubung kait seseorang. Kita akan berusaha atas dasar suci hati untuk menyediakan kemudahan yang munasabah bagi mereka yang kurang upaya.

Monsanto juga melarang gangguan dalam apa jua bentuk. Gangguan merangkumi segala jenis kelakuan yang tidak disukai, kesat, menghina atau menakut-nakutkan terhadap orang lain. Gangguan boleh terjadi secara lisan, fizikal, elektronik atau pandang, dan boleh bersifat seksual atau bukan seksual. Kebebasan daripada gangguan yang menyalahi undang-undang adalah hak yang disokong dan dihormati sepenuhnya oleh Monsanto.

### Persekitaran yang Selamat, Sihat dan Aman

Di Monsanto, keselamatan dan keamanan adalah tanggungjawab setiap orang. Kita berazam untuk mewujudkan persekitaran kerja yang bebas daripada bahaya keselamatan dan menggalakkan kesihatan dan keselamatan semua pekerja, pelawat dan pelanggan, serta komuniti tempat kita bekerja. Demi menjamin kesihatan dan keselamatan kita sendiri, dan juga rakan kerja dan komuniti, kita bukan sahaja harus mematuhi proses dan prosedur yang diterapkan oleh Syarikat, tetapi juga undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dalam tugas kita. Jika anda mengetahui apa-apa amalan tidak selamat atau keadaan berbahaya, atau apa-apa perbuatan atau kelakuan yang menjejaskan atau boleh menjejaskan keselamatan anda atau orang lain, anda berkewajipan untuk melaporkan situasi itu serta merta. Bagi mendapatkan penerangan tentang pelbagai kehendak dan prosedur keselamatan dan keamanan kita, sila lihat dasar berkaitan dalam Manual ESH Monsanto atau laman web Keselamatan Sedunia.

### Dadah dan Alkohol

Menjadikan Monsanto tempat kerja yang hebat bererti menjadikannya tempat kerja yang selamat. Salah guna dadah dan alkohol membataskan kemampuan kita untuk melakukan kerja dengan selamat, mendatangkan risiko kepada setiap orang. Memandangkan hal ini, jangan sekali-kali kita bekerja di bawah pengaruh alkohol, dadah terlarang, atau ubat preskripsi yang boleh menjejaskan kemampuan kerja kita atau mewujudkan persekitaran yang tidak selamat. Monsanto memberi kekecualian terhadap peraturan ini, misalnya apabila alkohol dihidangkan dalam acara Syarikat yang diluluskan. Dalam keadaan sedemikian pun, kita dikehendaki bersifat sederhana dan berhemah.

## Keganasan di Tempat Kerja

Tindakan dan ancaman keganasan membawa kesan negatif pada keseluruhan keamanan, keselamatan dan kesihatan kita di tempat kerja – sama seperti salah guna bahan atau amalan berbahaya yang lain. Oleh itu, apa jua perbuatan ganas atau agresif, biarpun dimaksudkan sebagai gurauan, dilarang ketat di Monsanto. Jika anda atau seorang yang anda kenali diancam keganasan atau menjadi mangsa tindakan ganas, anda berkewajipan untuk melaporkan situasi itu dengan serta merta. Jika anda, rakan kerja atau individu lain yang berurusan dengan Monsanto menghadapi bahaya, hubungi pihak berkuasa tempatan dan kemudian Keselamatan Sedunia. Akhir sekali, ambil langkah susulan bersama pengurus anda atau sumber lain yang disenaraikan dalam Tatalaku.

---

S: Khalijah percaya salah seorang rakan kerjanya menjadi mangsa penganiayaan rumah tangga. Dia tidak mahu menjaga tepi kain orang, tetapi bimbang keselamatan rakannya itu. Apakah yang harus Khalijah lakukan?

J: Khalijah harus bersuara tentang penganiayaan yang disyaki itu. Orang yang menganiaya pasangannya kadang kala pergi mencarinya di tempat kerja, hingga membahayakan bukan sahaja si mangsa tetapi rakan kerja yang lain juga. Laporkan serta merta kepada pihak pengurusan dan Keselamatan Sedunia jika ada tanda-tanda keganasan rumah tangga. Antara tanda-tandanya adalah:

- Mengetahui adanya satu perintah larangan
  - Banyak menerima panggilan telefon atau e-mel daripada pasangan atau bekas pasangannya, dan enggan berbual atau membalas panggilan atau mesej tersebut.
  - Kecederaan seperti lebam, lebam mata atau patah tulang – terutama jika mangsa cuba menyembunyikannya atau memberi alasan yang tidak munasabah.
  - Tanda-tanda tekanan emosi, misalnya tidak bercakap atau menjauhi orang lain.
- 

S: Intan menyaksikan kemalangan di kilang yang mencederakan beberapa rakan kerjanya. Mereka cedera ringan sahaja dan dirawat dengan bekalan ubat pertolongan cemas di tempat kejadian. Tetapi pada pendapat Intan mereka patut mendapatkan rawatan doktor yang sewajarnya. Pengurus Intan enggan merekodkan kejadian itu. Katanya, kilang mereka mungkin menghadapi padah buruk jika kecederaan itu dilaporkan. Intan tidak mahu menjejaskan pekerjaannya kerana kemalangan kecil, tetapi berasa laporan patut dibuat. Bagaimana cara dia patut mengendalikan situasi ini?

J: Memang wajar membuat laporan, seperti Intan fikirkan. Kecederaan kecil harus dilaporkan supaya tidak terjadi lagi, atau menyebabkan kecederaan lebih teruk. Syarikat telah melaksanakan proses khusus demi keselamatan kita, dan satu-satunya cara menjayakan proses tersebut adalah bersuara jika ada yang tidak kena tempatnya. Jika pengurusnya tidak membuat laporan, Intan harus memberitahu ES&H, atau menghubungi Talian Panduan Monsanto.

---

## Menghormati Hak Asasi Manusia

Dengan lebih 20,000 pekerja langsung, dan pengeluaran biji benih di lebih 40 negara, Monsanto berpeluang untuk membawa kesan positif pada kehidupan pekerja kita sendiri dan sebilangan besar pekerja dalam aktiviti pengeluaran kita. Sebagai pedoman tindakan kita dalam hal ini, kita menerapkan Dasar Hak Asasi Manusia pada 2006, dan memulakan

program untuk mempertingkatkan taraf hidup kakitangan kita dan pekerja rantai bekalan pengeluaran biji benih, sama ada di kilang kita sendiri atau pihak ketiga. Dasar ini termasuk komitmen tentang buruh kanak-kanak, buruh paksa, ganjaran, jam kerja, gangguan dan keganasan, diskriminasi, kebebasan berserikat, keselamatan kerja dan pematuan undang-undang. Pendekatan kita berupa peningkatan berterusan dan kita giat bekerja bersama rakan niaga terhadap cabaran unik yang wujud dalam kerja pertanian secara manual, terutama dalam ekonomi membangun.

Sejajar dengan komitmen kita untuk melindungi, menghormati dan memajukan hak asasi manusia, Monsanto menerapkan dasar Hak Asasi Manusia yang berpandu pada *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat* dan *Perisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa tentang Prinsip-Prinsip dan Hak-Hak Asasi di Tempat Kerja*. Penerangan lanjut boleh didapati dalam [Komitmen Monsanto kepada Hak Asasi Manusia](#) di laman web kita.

---

S: Omar melakukan pemeriksaan teliti atas peladang kontrak Monsanto demi memastikan pekerja mereka diperlakukan dengan adil, dan sejajar dengan dasar hak asasi manusia kita. Pekerja bermusim boleh dibayar gaji mengikut jam dan Omar tahu semua pekerja kontrak mesti dibayar kadar gaji minimum di sisi undang-undang atau lebih tinggi. Seorang peladang memberitahu Omar ada pekerja yang kurang berpengalaman, dan kurang cekap melakukan tugas. Mereka tidak patut dibayar gaji minimum. Bagaimana Omar harus menjawabnya?

J: Omar harus menjelaskan kepada peladang itu tiada tawar-menawar dalam pendirian Syarikat. Semua pekerja harus dibayar sekurang-kurangnya gaji minimum atas semua jumlah jam yang dikerjakan. Persoalan prestasi harus diuruskan secara berasingan, dan semua langkah yang diambil mestilah sejajar dengan undang-undang setempat. Jika anda mengetahui atau mengesyaki rakan niaga anda tidak mematuhi kadar gaji yang dikehendaki undang-undang, bawakan perkara itu kepada pengurus anda atau sumber lain dengan serta merta. Monsanto akan mengambil langkah wajar untuk memastikan isu itu tidak berterusan.

---

## Privasi Maklumat Peribadi

Apabila bekerja di Monsanto, kita memberikan Syarikat maklumat peribadi yang perlu tentang diri kita. Maklumat itu mungkin termasuk sejarah penggajian, nombor pengenalan diri yang dikeluarkan oleh kerajaan, maklumat hubungan, taraf perkahwinan, rekod jenayah dan sejarah perubatan, antara lain. Syarikat kita bertekad untuk melindungi maklumat ini, sejajar dengan undang-undang privasi data yang berkenaan, termasuk peraturan tentang pemungutan, pemprosesan, penggunaan, pemindahan dan pendedahan maklumat peribadi.

Jika tanggungjawab tugas anda termasuk memungut, mengubah suai, memindahkan, memproses, menyimpan atau menggunakan maklumat peribadi pekerja, anda berkewajipan untuk mematuhi undang-undang privasi data yang berkenaan dan kawalan dalaman lain yang melindungi maklumat peribadi ini. Jangan sekali-kali memberikan maklumat sedemikian kepada mereka yang tiada urusan sah untuk mengetahuinya. Jika ada pertanyaan tentang melindungi maklumat peribadi, ingin mengakses atau mengubah suai maklumat peribadi anda, atau kurang pasti sama ada sesuatu data itu data peribadi, hubungi Wakil Umum Sumber Manusia atau Jabatan Undang-Undang di rantau anda.



# Komitmen Kita kepada Rakan, Pelanggan dan Pembekal Kita

---

## Pengelolaan Produk

Pengelolaan produk adalah kewajiban Monsanto bagi menilai dan menyokong produk dan teknologi kita. Hal ini kita lakukan dengan menilai sama ada produk dan teknologi itu selamat dan bertanggungjawab kepada alam sekitar. Pengelolaan produk juga melibatkan kewajiban kita untuk menjelaskan dan menggalakkan penggunaan produk dan teknologi secara wajar dan bertanggungjawab, terutama dari segi piawai dan prinsip komuniti sekeliling.

Kita sedar bahawa integriti produk dan kualiti produk adalah bahagian penting dalam pengelolaan produk, dan kita mengambil berat kedua aspek ini. Dengan menimbangkan alam sekitar dan menilai keselamatan produk dan teknologi kita merentasi seluruh kitaran hidup produk, kita dapat dengan yakin menggalakkan penggunaannya yang wajar dan bertanggungjawab. Kumpulan Kepimpinan Pengelolaan Produk Monsanto menyelia pembangunan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif pengelolaan dan merupakan sumber bagi membantu kita mencapai matlamat pengelolaan. Pengelolaan produk adalah tanggungjawab bersama bagi semua pekerja dan kita dikehendaki menyokong pelbagai inisiatifnya.

[Laman Web Pengelolaan Produk](#)

## Penyelidikan Sains

Di Monsanto, kita tahu dan faham peri pentingnya menjalankan penyelidikan sains yang beretika. Sebahagian besar kejayaan kita bergantung pada usaha membina kepercayaan dengan pelbagai kumpulan dan orang, dan sebahagian besar kepercayaan itu bergantung pada ketepatan dan kebolehpercayaan data saintifik yang kita bekalkan.

Supaya hasil penyelidikan kita beretika, penyelidikan mesti dilakukan dengan:

- Protokol yang diluluskan dan kawalan yang wajar
- Tinjauan oleh rakan tara atau penyeliaan jaminan kualiti, mana yang berkenaan
- Data yang direkodkan dengan tepat, dapat diulang atau dapat dibina semula, dan dengan dokumentasi yang wajar
- Penerapan analisis statistik atau data yang wajar

## Integriti dan Kualiti Produk

Monsanto bertekad untuk menegakkan integriti produknya dan secara konsisten menghasilkan produk berkualiti tertinggi. Kita memenuhi komitmen ini melalui proses berpiawai yang terus menerus dipertingkatkan. Komitmen kepada kualiti adalah elemen umum di seluruh syarikat kita dan menghubungkan kita dengan pelanggan. Kita menghasilkan produk yang memenuhi segala kehendak undang-undang dan kontrak. Kita bertekad untuk berkongsi amalan terbaik dan alat lain dengan rakan dan pelanggan kita, demi memastikan pengalaman pelanggan yang kaya dan seragam dalam menggunakan produk kita. Integriti dan kualiti produk dicapai melalui segala usaha kita setiap hari.



## **Pematuhan Peraturan**

Kita menjalankan perniagaan sedunia dalam persekitaran yang sangat dikawal selia. Produk bioteknologi dan kimia kita mesti diluluskan oleh agensi kawal selia sebelum dikomersialkan. Di Monsanto, kita mematuhi segala undang-undang dan peraturan antarabangsa, negara dan tempatan yang relevan. Kita menjalankan taksiran yang gigih bagi menentukan keselamatan semua produk kita. Selain itu, dengan memenuhi atau melampaui semua kehendak peraturan, kita meyakinkan pelanggan, peladang dan pengguna kita bahawa kita telah mengesahkan keselamatan semua produk kita dan, apabila dikehendaki, telah memuahkan tinjauan gigih oleh pihak berkuasa agar produk kita bebas digunakan dan dipasarkan di peringkat antarabangsa.

---

S: Jika saya tidak bekerja di jabatan kawal selia, tetapi bekerja di bahagian pengeluaran menghasilkan produk yang dikawal selia, adakah saya memerlukan latihan khas?

J: Ya. Setiap pekerja yang berkemungkinan berhubung kait dengan atau bekerja dengan produk yang dikawal selia mesti menjalani latihan khusus supaya mereka bekerja mengikut protokol dan sistem yang direka untuk menjaga keselamatan produk dan mematuhi peraturan.

---

## **Amalan Pemasaran yang Adil**

Apabila memasarkan atau menjual produk kita, pentinglah kita menggunakan taktik yang adil dan beretika sahaja. Mereka yang memegang tanggungjawab dalam bidang penjualan, periklanan, promosi dan pemasaran mesti melakukan tugas dengan pernyataan yang benar dan tepat. Jangan sekali-kali kita membuat pernyataan palsu and mengelirukan tentang kualiti dan ketersediaan produk kita, mahupun produk pesaing kita. Seterusnya, kita dilarang membuat perbandingan tidak adil atau tidak benar antara produk kita dengan produk pesaing. Hal ini termasuk perbandingan secara pilih-memilih atau tidak lengkap tentang produk mereka atau produk kita.

Berurusan secara adil dalam industri kita juga bererti menghindari sogokan komersial. Sogokan komersial terjadi apabila kita memberi orang lain sesuatu yang bernilai – atau mereka memberi kita sesuatu yang bernilai – dengan tujuan untuk mempengaruhi keputusan atau tindakan perniagaan. Tidak kira sama ada dilakukan secara langsung, atau melalui pihak ketiga, Monsanto tidak akan membiarkan mahupun bertolak ansur dengan perbuatan ini.

---

S: Rashid duduk makan tengah hari bersama seorang pelanggan baru. Semasa berbincang, pelanggan itu memberitahu Rashid tentang kejayaannya menggunakan produk kita. Katanya kepada Rashid, dia sangat senang hati dengan mutu perkhidmatan Monsanto. Dia juga menceritakan pelbagai masalah yang pernah dia alami semasa menggunakan produk pesaing kita dahulu. Rashid mengucapkan terima kasih, dan bertanya bolehkah ulasannya digunakan dalam inisiatif pemasaran kita yang baru. Pelanggan itu bersetuju supaya Monsanto menggunakan ulasannya. Rashid tidak membuang masa menyiapkan kertas siaran untuk diedarkan esoknya kepada semua pelanggan. Wajarkah dia berbuat begitu?

J: Besar kemungkinan tidak. Maklumat yang kita gunakan dalam kempen pemasaran mesti disemak oleh sejumlah pakar subjek di seluruh Syarikat, sebelum dibenarkan untuk

diterbitkan. Hal ini khususnya penting bagi menjamin kejujuran dan ketepatan segala dakwaan kita, dan memastikan kita tidak menghina produk pesaing kita. Rashid patut menyampaikan ulasan itu kepada pengurusnya atau berbincang dengan pegawai di Jabatan Undang-Undang sama ada ulasan itu boleh digunakan dalam komunikasi dengan pelanggan. Dia tidak patut bertindak sendiri tanpa mendapatkan kelulusan yang wajar terlebih dahulu.

---

## Mematuhi Undang-Undang Persaingan

Monsanto bersaing secara adil dan gigih dalam industri kita. Kita beroperasi di banyak negara yang melarang apa jua perbuatan yang menyekat perdagangan secara tidak adil. Undang-undang persaingan – ada kalanya disebut undang-undang antitrust – mungkin berbeza-beza antara satu negara dengan yang lain. Umumnya, undang-undang sedemikian mengambil pendekatan konsisten tentang bagaimana dua pesaing boleh berurusan. Semua undang-undang persaingan melarang tindakan anti persaingan, seperti:

- Menetapkan harga
- Manipulasi bida
- Mengagih-agihkan pelanggan, pasaran atau wilayah dengan pesaing
- Bersepakat dengan pihak lain supaya tidak berurusan dengan pelanggan tertentu

Jika pesaing cuba membincangkan mana-mana amalan anti persaingan ini dengan anda, nyatakan anda tidak setuju, hentikan perbualan dengan serta merta dan laporkan kepada Jabatan Undang-Undang. Amalan anti persaingan terlarang bukan sahaja merugikan pelanggan, akibatnya mungkin serius bagi anda dan Syarikat. Bahkan, *bayangan* adanya pakatan terlarang pun boleh membawa padah buruk bagi Syarikat. Jika anda diajak melakukan tindakan terlarang, pastikan anda menolaknya tanpa keraguan.

Undang-undang persaingan mungkin rumit dan banyak berbeza-beza tentang bagaimana pembekal dan pelanggannya dapat berurusan. Jangan andaikan bahawa amalan yang dibenarkan atau dilarang di sebuah negara sama juga dibenarkan atau dilarang di negara lain. Akhir sekali, jika pelanggan atau pembekal mencadangkan kepada anda agar menyelaraskan tindakan demi menjatuhkan pesaingnya, dalam hal ini juga anda patut hentikan perbualan dan berbincang dengan pengurus anda atau pegawai Jabatan Undang-Undang tentang situasi itu dan peraturan yang berkenaan.

## Maklumat Rahsia Monsanto dan Syarikat Lain

Undang-undang persaingan, undang-undang harta intelek dan undang-undang penggelapan rahsia perdagangan berkuat kuasa atas cara kita mengumpulkan maklumat tentang pesaing. Walaupun kita bebas menggunakan cara-cara yang terbuka kepada umum untuk menyelidiki produk, perkhidmatan dan kempen pemasaran pesaing kita, jangan sekali-kali menggunakan taktik tak beretika. Ertinya, jangan sekali-kali bertindak tidak jujur demi mendapatkan maklumat.

Maklumat peka persaingan merupakan maklumat bukan umum tentang aktiviti persaingan kita yang kita seharusnya tidak akan berikan kepada pesaing. Maklumat yang dianggap rahsia oleh Monsanto adalah maklumat yang dapat digunakan orang lain untuk menjatuhkan atau merugikan kita. Maklumat rahsia termasuk rahsia dagangan dan maklumat lain tentang harta intelek kita, serta maklumat yang kita tidak umumkan tentang data kewangan, pekerja, penyelidikan, penemuan, rancangan, reka bentuk, strategi, produk, proses, cabaran dan peluang, dan aspek undang-undang. Jika kita tidak akan memberikan maklumat peka

persaingan kepada pesaing kita, begitu juga kita tidak patut cuba mendapatkannya daripada mereka. Jika kita menghendaki bekas pekerja kita supaya memelihara maklumat rahsia, begitu juga kita tidak patut meminta bekas pekerja pesaing kita supaya melanggar kewajipan mereka menjaga rahsia bekas majikan mereka. Jika anda secara tidak sengaja mendapat maklumat peka persaingan yang sepatutnya tidak akan didedahkan oleh pesaing, jangan gunakan atau edarkan selagi isu itu belum dibincangkan dengan Jabatan Undang-Undang dan kelulusan didapati daripada mereka.

Untuk penerangan lanjut tentang apa yang dimaksudkan maklumat rahsia atau peka persaingan, sila lihat bahagian "Maklumat Rahsia dan Empunya" dalam Tatalaku ini. Selain itu, Perjanjian Pekerjaan yang anda tandatangani semasa diambil bekerja dengan Monsanto mungkin mengandungi ringkasan kewajipan anda dari segi menjaga kerahsiaan.

## **Persatuan Perdagangan**

Kita mesti berhati-hati apabila menghadiri acara persatuan perdagangan atau acara industri lain yang mungkin turut dihadiri pesaing kita. Semasa berinteraksi dengan pesaing dalam acara begini, elakkan daripada membincangkan sesuatu yang dapat dilihat sebagai percubaan untuk menyekat persaingan. Kita juga mesti berhati-hati apabila membincangkan urusan Monsanto bersama rakan sekerja, kerana mungkin didengar oleh orang lain. Ingatlah, jika pesaing cuba membincangkan topik terlarang dengan anda, hentikan perbualan itu serta merta dan laporkan kepada pengurus anda atau pegawai Jabatan Undang-Undang.

---

S: Jalilah diberitahu oleh seorang pelanggan lama bahawa dia menerima jemputan daripada pesaing Monsanto untuk menghadiri satu acara. Kata pelanggan itu, pesaing tersebut menganjurkan acara untuk pelanggan sahaja bagi menyaksikan portfolio produk dan membincangkan prestasi syarikatnya. Pelanggan itu mengajak Jalilah sama-sama menghadiri acara itu sebagai tetamu, untuk mendapatkan maklumat. Katanya, maklumat itu boleh membantu Monsanto dalam strategi harga dan pembangunan produk masa depan. Memandangkan dia dijemput oleh seorang pelanggan, wajarkah Jalilah menghadiri acara ini?

J: Besar kemungkinan tidak. Jemputannya jelas mengatakan acara ini untuk pelanggan sahaja. Dengan menghadiri penyampaian oleh pelanggan Monsanto, Jalilah boleh didakwa bertindak tidak jujur – perbuatan tidak beretika yang boleh membawa padah buruk bagi Syarikat kita. Jalilah patut mengucapkan terima kasih kepada pelanggannya atas maklumat ini, tetapi mengatakan dengan jelas bahawa Monsanto mendapatkan maklumat persaingan melalui cara yang telus sahaja. Pelanggan itu seharusnya meminta kebenaran terlebih dahulu daripada pihak tuan rumah, dan jelas mengatakan Jalilah bekerja di Monsanto. Jika dibenarkan barulah Jalilah boleh menghadiri acara itu.

---

## **Menghormati Privasi dalam Maklumat Rahsia**

Kita menghargai amanah pelanggan, penjual dan pihak lain terhadap Monsanto apabila mereka memberikan kita maklumat. Demi amanah ini, kita mesti sangat berhati-hati melindungi maklumat mereka – baik yang bersifat rahsia, peribadi atau sensitif – sama seperti maklumat kita sendiri. Jika tugas di Monsanto menyebabkan anda mengetahui data pihak ketiga yang bersifat rahsia, peribadi atau sensitif, anda wajib mengendalikan data itu sewajarnya dan sejajar dengan undang-undang yang berkenaan. Jangan sekali-kali memberikan maklumat sedemikian kepada mereka yang tiada urusan sah untuk

mengetahuinya. Jika ragu-ragu, minta panduan daripada pengurus langsung anda atau Jabatan Undang-Undang Monsanto.

## **Hubungan Penjual dan Pelanggan**

Pelanggan kita, penjual dan rakan niaga yang lain memainkan peranan penting dalam kejayaan kita sebagai sebuah syarikat. Kita mahu memelihara hubungan saling percaya dan hormat dengan pihak-pihak ini setiap masa. Untuk tujuan itu, kita mesti jujur dalam segala urusan dengan pelanggan, penjual dan rakan niaga lain, yang sedia ada dan yang akan datang. Semua kontrak mestilah dirundingkan secara adil dan tidak mengandungi penipuan atau ketidaktepatan. Selanjutnya, pemilihan penjual dan subkontraktor bagi membekalkan produk atau perkhidmatan atau untuk bekerja bagi pihak Monsanto mesti dilakukan dengan adil. Kita membuat pemilihan dengan menimbangkan sewajarnya semua fakta, yang termasuk kualiti, rekod keselamatan, kebolehan teknikal, sejarah pengalaman, kebolehpercayaan, kos, jadual dan ketersediaan, dan sekali-kali bukan atas dasar berat sebelah atau alasan lain yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

## Komitmen Kita kepada Syarikat dan Pemilik Saham Kita

---

### Elakkan Konflik Kepentingan

Satu komponen penting dalam memenuhi komitmen kita kepada Syarikat dan pemilik saham adalah mengelakkan situasi konflik kepentingan. Konflik kepentingan terjadi apabila kepentingan peribadi, masyarakat, kewangan, atau politik kita bertentangan dengan kepentingan Syarikat. Konflik kepentingan dapat menghambat kejayaan Syarikat dan memberi gambaran bahawa kita tidak menjalankan urusan dengan adil atau tanpa berat sebelah. Konflik boleh timbul dalam urusan dengan orang atau kumpulan luar, dan juga dalam hubungan sesama kita di Monsanto. Di bawah adalah beberapa situasi lazim konflik kepentingan yang mesti dielakkan.

### Hadiah dan Hiburan untuk Urusan Perniagaan

Ramah tamah dalam urusan perniagaan, seperti pertukaran hadiah atau hiburan, merupakan amalan lazim yang membina muhibah antara syarikat dengan pelanggan atau rakan niaga mereka. Sama ada diberi atau diterima, hadiah dan hiburan boleh dengan mudah mewujudkan konflik kepentingan, sama ada yang sebenarnya ataupun bayangannya. Demi mengelakkan gambaran layanan istimewa, walau secara bayangan sekali pun, kita dilarang memberi atau menerima hadiah, jamuan atau layanan hiburan percuma daripada pelanggan dan rakan niaga kecuali:

- Tidak diminta
- Tidak mahal
- Diizinkan undang-undang
- Jarang-jarang
- Kena pada tempatnya
- Bukan wang tunai atau setara wang tunai

Meskipun sesuatu hadiah atau hiburan itu memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas, kita tidak boleh menawarkan atau menerimanya jika kelihatan tidak wajar. Sekiranya ada kekhawatiran tentang ihsan perniagaan yang anda terima atau bercadang untuk berikan, sila hubungi Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Peri Laku Perniagaan untuk mendapatkan bimbingan.

### Peluang Korporat

Membuat keputusan yang beretika dan objektif bagi pihak Monsanto bererti kita sekali-kali tidak bersaing dengan Syarikat bagi mendapatkan peluang perniagaan. Ertinya, kita dilarang menggunakan untuk diri sendiri sesuatu peluang yang kita temui melalui jawatan kita di Monsanto atau dengan menggunakan aset Syarikat atau melalui apa jua peluang yang Syarikat telah menyatakan berminat padanya. Selanjutnya, kita tidak dibenarkan mengarahkan sahabat atau saudara mara supaya menggunakan peluang pelaburan atau aktiviti seperti itu.

### Pekerjaan Di Luar Syarikat

Semasa bekerja dengan Monsanto, kita sama-sama bertekad untuk menjayakan kepentingan Syarikat dan mencurahkan sepenuh usaha untuk pekerjaan kita. Mungkin sukar untuk memenuhi komitmen ini jika kita juga bekerja sendiri atau bekerja dengan syarikat lain pada masa yang sama. Walaupun Syarikat tidak mahu menyekat peluang yang kita miliki,

pentinglah kita tidak menerima pekerjaan di luar yang mengganggu kemampuan kita untuk melaksanakan tugas di Monsanto. Kita dilarang menerima pekerjaan dengan pesaing kita pada masa yang sama. Kita dilarang menerima pekerjaan dengan pelanggan, pembekal atau rakan niaga Monsanto yang lain, tanpa tinjauan teliti dan kelulusan Syarikat. Perbuatan sedemikian menyebabkan konflik kepentingan yang serius. Sebelum menerima apa-apa pekerjaan di luar syarikat, bertanya terlebih dahulu dengan ketua anda atau Pejabat Peri Laku Perniagaan.

### **Berurusan dengan Ahli Keluarga dan Sahabat Handai**

Ada kalanya, kita mungkin bekerja bersama ahli keluarga atau sahabat. Demi mengelakkan bayangan layanan istimewa, kita tidak dibenarkan meletakkan diri sendiri dalam hubungan penyelia dengan ahli keluarga terdekat. Ahli keluarga terdekat termasuk suami isteri, pasangan hidup, anak, anak tiri, ibu bapa, ibu bapa tiri, adik beradik, mertua dan menantu, dan ahli isi rumah yang lain. Selanjutnya kita tidak dibenarkan ikut serta dalam proses pengambilan pekerja yang melibatkan ahli keluarga terdekat. Jika struktur pelaporan itu sudah sedia wujud disebabkan pemerolehan syarikat, pentinglah struktur itu disusun semula secepat mungkin.

### **Kepentingan Kewangan**

Sebagaimana Syarikat menghormati keputusan kita untuk mencari pekerjaan yang munasabah di luar, Syarikat juga menghormati hak kita untuk menguruskan pelaburan peribadi. Bergantung pada saiz pelaburan, kepentingan kewangan peribadi kita boleh mewujudkan situasi konflik kepentingan. Apa-apa pelaburan di luar yang kita pegang secara langsung atau yang kita kuasai hendaklah tidak mengganggu atau secara negatif mempengaruhi keputusan yang kita buat dalam tugas sebagai pekerja.

Konflik kepentingan boleh timbul dalam berbagai cara – dalam bahagian di atas kita baru melihat beberapa contoh sahaja. Jika mengetahui atau mengesyaki bahawa kita mempunyai konflik kepentingan, tetapi tidak memaklumpkannya, kita *melanggar* Tatalaku. Atas sebab ini, anda patut dengan segera melaporkan apa jua konflik kepentingan yang sebenar atau berkemungkinan kepada pengurus anda atau Pejabat Peri Laku Perniagaan, bagi mendapatkan bantuan.

### **Melindungi Aset dan Maklumat Syarikat**

Dalam tugas kita di Monsanto, kita mengakses berbagai aset Syarikat. Aset ini termasuk harta benda Syarikat seperti peralatan, kenderaan, komputer, wang dan kemudahan. Kita bertanggungjawab untuk melindungi aset tersebut daripada kehilangan, kecurian, kerosakan, pembaziran atau salah guna. Kita juga dikehendaki menggunakan sumber sedemikian untuk tujuan urusan yang wajar. Penggunaan aset Syarikat seperti telefon, komputer dan mesin penyalin foto untuk keperluan peribadi sekali-sekala mungkin dibenarkan, tetapi tidak boleh menyalahi undang-undang dan tidak boleh mengganggu tugas harian kita. Jika mengesyaki kecurian, penipuan atau penggunaan tak wajar atau menyalahi undang-undang atas harta Syarikat, anda berkewajipan melaporkannya kepada pengurus anda, Jabatan Sumber Manusia, Pengurus Keselamatan Sedunia Monsanto atau Pejabat Peri Laku Perniagaan. Sila rujuk Dasar Penguasa Korporat No 85005.00.

### **Maklumat Rahsia dan Empunya**

Sumber Syarikat bukan berupa harta benda sahaja. Malah, antara aset Syarikat kita yang paling bernilai adalah maklumat rahsia dan empunya yang kita miliki. Maklumat rahsia

biasanya termasuk maklumat bukan umum yang boleh menjatuhkan Monsanto jika didedahkan. Berikut adalah beberapa contoh maklumat rahsia:

- Maklumat baka dan jalur induk biji benih
- Maklumat kewangan atau teknikal
- Data penentuan harga
- Proses atau rumusan empunya
- Struktur kos dan data yang berkaitan
- Strategi pemasaran korporat
- Reka bentuk peralatan dan mesin
- Senarai pelanggan
- Rancangan perniagaan
- Data dan rekod penyelidikan
- Strategi kawal selia
- Maklumat bukan umum yang material

Kita bertanggungjawab untuk melindungi maklumat rahsia dan empunya Syarikat daripada penggunaan tanpa izin. Kita dilarang mendedahkan maklumat demikian kepada sesiapa di luar Monsanto, bahkan kepada sesiapa di dalam Monsanto yang tiada urusan jelas untuk mengetahui maklumat itu. Selanjutnya, kita mesti mengambil langkah wajar untuk memastikan maklumat ini tidak sekali-kali hilang, dicuri, salah ditempatkan atau ditinggalkan tanpa diawasi. Peraturan ini juga berkuat kuasa atas apa-apa peranti Syarikat yang mungkin menyimpan maklumat demikian, seperti komputer riba atau peranti bimbit lain.

Akhir sekali, kita hendaklah berwaspada apabila membincangkan maklumat rahsia di khalayak ramai seperti restoran, kereta api, lapangan terbang atau kawasan umum Syarikat. Sebaiknya hadkan perbualan begini pada lokasi peribadi sahaja, supaya tidak didengari oleh orang lain. Jika mengetahui atau mengesyaki bahawa maklumat rahsia kita telah didedahkan secara tidak wajar, hilang atau dicuri, laporkan kepada pengurus anda, Keselamatan Sedunia Monsanto atau Pejabat Peri Laku Perniagaan dengan serta merta.

Seperti data rahsia yang lain, kita mesti berhati-hati melindungi rahsia perdagangan kita dan jangan sekali-kali mendedahkannya kepada sesiapa di luar Syarikat yang belum bersetuju untuk menyimpan maklumat tersebut secara rahsia. Jangan sampaikan maklumat demikian kepada pekerja Monsanto yang tiada urusan untuk mengetahuinya.

Untuk penerangan lanjut khusus tentang keselamatan maklumat germplasma, sila lihat Dasar Perlindungan Maklumat Baka dan Jalur Induk kita.

### **Harta Intelekt**

Sesetengah maklumat yang dapat anda akses mungkin mengandungi harta intelek (IP). IP adalah satu lagi aset yang kita mesti lindungi, dan dianggap harta Syarikat yang bernilai. Antara contoh IP adalah:

- Rahsia dagangan
- Hak cipta
- Tanda dagangan
- Paten
- Hak reka bentuk
- Logo
- Jenama

Selanjutnya, apa jua IP yang kita cipta semasa bekerja di Monsanto dalam bidang tugas kita adalah milik Syarikat. Jika ragu-ragu sama ada sesuatu maklumat itu dianggap IP atau tidak, hubungi Jabatan Undang-Undang.

---

S: Harun telah diminta oleh sebuah kumpulan luar untuk menyampaikan kertas kerja di persidangan saintifik tentang teknologi yang meliputi bidang kepakarannya. Sekarang ini, dia sedang mengerjakan satu projek penyelidikan yang sangat penting, yang telah menghasilkan beberapa pembangunan. Dia ingin sekali membincangkan beberapa unsur penyelidikan semasanya di persidangan tersebut. Bolehkah Harun melakukannya?

J: Mungkin. Maklumat sensitif Monsanto yang mungkin dianggap IP harus dinilai dahulu oleh pihak berkuasa yang berkenaan – dalam hal ini, peguam IP Monsanto – *sebelum* dibincangkan di khalayak ramai. Harun harus hanya bincangkan maklumat asas yang dia ketahui tidak dianggap rahsia oleh Monsanto dan meminta bimbingan serta kelulusan daripada sumber berkenaan sebelum membuat penyampaian tersebut.

## Gunakan Teknologi Syarikat Dengan Sewajarnya

Teknologi memainkan peranan menyokong yang penting dalam tugas kita di Monsanto. Teknologi memberi kita fleksibiliti dalam tugas dan membantu kita menjadi lebih kreatif dan cekap dalam kerja kita untuk Syarikat. Tetapi, teknologi juga perlu digunakan dengan cermat dan bertanggungjawab agar sejajar dengan amalan urusan yang baik dan tidak mengganggu operasi perniagaan atau tugas rakan kerja kita.

Tentang teknologi milik Syarikat, kita bertanggungjawab untuk menggunakan aset itu secara wajar, beretika, selamat dan terjamin serta mematuhi undang-undang. Seperti sumber Syarikat yang lain, kita dibenarkan menggunakan teknologi Monsanto untuk keperluan peribadi secara terbatas. Penting diingat bahawa, sejauh yang diizinkan undang-undang, Syarikat boleh memantau dan meninjau penggunaan kita itu. Hal ini merangkumi semua maklumat dan surat menyurat yang dikirimkan, diterima atau disimpan dalam akaun e-mel atau mel suara Monsanto. Hal ini juga merangkumi maklumat yang kita buat, kirimkan, terima, proses atau simpan dalam teknologi Syarikat seperti komputer bimbit, telefon serta sistem dan peranti lain. Atas dasar ini, semasa menggunakan teknologi Monsanto, kita mesti berhati-hati apabila:

- Membuat komunikasi bertulis atau dokumen, agar bertindak sejajar dengan Ikrar kita, Dasar Hak Asasi Manusia, dan Tatalaku ini, serta segala dasar Syarikat yang lain
- Melayari internet, agar mengelakkan laman web dan perkhidmatan web yang tidak wajar atau tidak diluluskan
- Memindahkan data kepada pihak luar yang tidak diberi kuasa, agar menggunakan khidmat pemindahan data syarikat yang diluluskan sahaja
- Menggunakan sumber syarikat, agar mengelakkan penggunaan untuk urusan peribadi

Memandangkan teknologi Syarikat lazimnya mengandungi maklumat rahsia atau empunya, pentinglah kita mematuhi semua langkah dan prosedur keselamatan yang ada demi melindungi komputer bimbit, sistem komputer dan peranti bimbit kita yang lain. Kata laluan adalah milik anda sahaja. Jangan sekali-kali maklumkan kepada orang lain. Jika anda mempunyai pertanyaan tentang penggunaan teknologi Syarikat yang dibenarkan, hubungi Wakil Umum Sumber Manusia anda. Sila rujuk Dasar Penggunaan Dibenarkan Bahagian Sumber Manusia bagi mendapatkan panduan lanjut.



## Penggunaan Media Sosial

Media sosial memberi banyak peluang untuk kita berinteraksi dengan pihak berkepentingan, antara lain melalui blog, laman jaring sosial, mikroblog, laman perkongsian foto dan video, bilik sembang, forum dan wiki. Apabila menggunakan media sedemikian, kita mesti berhati-hati agar tidak mendedahkan maklumat rahsia tentang Syarikat. Selanjutnya, jangan gunakan media sosial untuk menghina pelanggan, pembekal, sesama pekerja atau pihak berkepentingan yang lain, atau membuat pernyataan mengelirukan atau tidak berasas tentang Monsanto, produknya, pesaing atau produk mereka. Meskipun Monsanto tidak mahu mengawal atau memantau pelibatan peribadi, jangan pula kita memberi gambaran bahawa pandangan dan pendapat yang kita suarakan dalam talian adalah pendirian Syarikat, kecuali itu memang tugas kita. Jika memang tugas kita, jawatan kita harus dinyatakan dalam komunikasi. Posting elektronik yang kita buat menggunakan teknologi Monsanto pun boleh dianggap datang daripada Monsanto, jadi berhati-hatilah apabila mendrafkan komunikasi dengan komputer bimbit, sistem komputer atau peranti lain milik Monsanto. Jika ada pertanyaan tentang penggunaan media sosial yang dibenarkan, hubungi Kumpulan Media Sosial. Untuk panduan lanjut, sila rujuk Garis Panduan Media Sosial.

## Keselamatan Maklumat

Sebagai syarikat yang berdasarkan harta intelek, perlindungan maklumat adalah penting bagi kejayaan Monsanto di masa depan. Keselamatan maklumat sangat penting bagi menjaga keyakinan dan kepercayaan semua pelanggan, penjual dan pihak lain yang berurusan dengan kita. Melindungi data dan sistem adalah komponen penting dalam strategi dan operasi perniagaan kita.

Dasar Keselamatan Maklumat Monsanto dan Piawai Keselamatan Maklumat yang menyokongnya memberi asas bagi kita mengekalkan kerahsiaan, keutuhan dan ketersediaan maklumat dan sistem kita.

Sejajar dengan dasar kita, maklumat dan sistem hendaklah diuruskan dan dilindungi dengan sewajarnya daripada akses, penggunaan, pendedahan, pengubahsuaian dan penafian khidmat tanpa diberi kuasa. Kita melaksanakan kawalan dan langkah keselamatan maklumat bagi menjamin kerahsiaan, keutuhan dan ketersediaan maklumat, dan kita memantaunya secara berterusan. Contohnya:

- Latihan dan pendidikan
- Memantau ancaman dan mengurangkan kerentanan
- Menjaga kemampuan mengesan kejadian dan bertindak balas
- Menilai risiko keselamatan maklumat penjual dan teknologi kita secara berkala

Walaupun Syarikat melaksanakan banyak kawalan teknikal bagi melindungi maklumat sensitif, pokoknya keselamatan maklumat bermula daripada kita sendiri.

## Menjaga Rekod Kewangan yang Jujur

Rekod kewangan Monsanto adalah jendela bagi orang ramai meninjau kejayaan keseluruhan perniagaan kita. Mereka bergantung pada kita untuk menghasilkan pendedahan maklumat yang jujur, tepat, dan tepat waktu, sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Oleh itu, semua maklumat yang kita kemukakan dalam rekod Syarikat mesti jujur, benar dan lengkap sepenuhnya. Kita mesti mematuhi semua kehendak perakaunan dan kawalan dalaman apabila merakamkan apa jua maklumat, dan mengemukakan dokumentasi yang wajar apabila diminta.

Apabila menjalankan urusan niaga dan setelah merekodkannya, jangan sekali-kali kita:

- Memberi maklumat palsu, secara lisan atau bertulis
- Memberi gambaran salah tentang urus niaga Syarikat
- Menyembunyikan wang
- Mengadakan akaun dana yang tidak didedahkan atau tidak direkodkan
- Membenarkan amalan perakaunan yang terlarang atau tak beretika
- Melaporkan urus niaga dalam jangka waktu yang tidak betul
- Memasukkan urus niaga dalam klasifikasi yang salah

Jika mengetahui apa-apa rekod yang tidak tepat atau tidak lengkap, termasuk tetapi tidak terbatas pada rekod jualan, akaun belum terima, perintah belian, pindahan wang dan laporan perbelanjaan, anda berkewajipan untuk melaporkan hal itu kepada pejabat Penguasa Korporat. Ingatlah, apa jua aktiviti palsu, tidak jujur atau menipu mesti dilaporkan kepada Juruaudit Umum, Penguasa Korporat dan Pejabat Peri Laku Perniagaan dengan serta merta.

### **Pengekalan Rekod**

Satu lagi cara kita membina kepercayaan dengan pemilik saham dan orang ramai ialah dengan menguruskan rekod kita sewajarnya. Penyimpanan rekod yang tepat membantu Syarikat menyokong dakwaannya dan menjejak aset dan ehwalnya. Menguruskan rekod kita secara berkesan merupakan kawalan dalaman yang utama, dan membantu kita memenuhi keperluan perniagaan kita serta menghasilkan dokumen yang relevan apabila diperlukan.

Atas alasan ini, kita mesti mematuhi semua dasar dan jadual pengekalan rekod yang dibentangkan dalam *Manual Pengurusan Rekod* dan panduan lain yang dikeluarkan oleh pucuk pimpinan kita di semua lokasi urusan kita. Kita hendaklah juga mematuhi segala pegangan di sisi undang-undang atau percukaian, dan jangan sekali-kali mengubah atau memusnahkan dokumen sebelum pegangan tersebut tamat tempoh.

Ada kalanya, kita mungkin diminta menyertai audit atau siasatan dalaman atau luaran ke atas akaun dan rekod Syarikat. Kita dikehendaki mematuhi semua audit dan siasatan tersebut, termasuk yang dijalankan oleh agensi kerajaan, dan memberikan para juruaudit dan penyiasat segala maklumat yang mereka kehendaki. Jangan sekali-kali kita cuba melambat-lambatkan atau menghalang apa jua siasatan dengan menyembunyikan, memusnahkan atau dengan cara lain mengusik dokumentasi yang relevan.

### **Komunikasi Luaran yang Tepat**

Kita bertanggungjawab untuk berkomunikasi secara terus terang dan telus dengan pemilik saham kita dan orang ramai. Hal ini bererti kita tidak boleh bercakap bagi pihak Monsanto kecuali khusus diberi kuasa untuk berbuat begitu. Demi mengelakkan pendedahan maklumat rahsia atau tidak tepat, Monsanto telah menetapkan jurucakap tertentu untuk membuat pernyataan bagi pihak Syarikat. Jika menerima pertanyaan daripada juruanalisis Wall Street atau pelabur, lanjutkan permintaan itu kepada pihak Hubungan Pelabur Monsanto (A.S.) 314-694-8149. Jika menerima pertanyaan daripada pihak media, lanjutkan permintaan itu kepada pihak Ehwal Awam Monsanto (A.S.), telefon +1 314-694-6397.

---

S: Farizza dihubungi oleh wartawan yang mencari maklumat tentang dakwaan terhadap kualiti produk Monsanto. Walaupun tugasnya tidak termasuk bercakap kepada khalayak ramai, Farizza kebetulan mengetahui dakwaan itu palsu. Demi mencegah publisiti buruk, bolehkah Farizza sampaikan apa yang dia ketahui kepada wartawan itu?

J: Tidak. Meskipun dia mempunyai maklumat yang dapat menolak khabar angin tentang kualiti produk Monsanto, Farizza tidak patut menyampaikannya kecuali dia telah diberi kuasa untuk berbuat begitu. Maklumat yang dia miliki mungkin rahsia, atau mungkin perlu disahkan dahulu oleh sumber lain di dalam Syarikat sebelum didedahkan kepada orang ramai. Farizza harus membiarkan jurucakap Syarikat untuk menjawab pertanyaan itu dan merujukkan wartawan tersebut kepada bahagian Ehwat Awam Monsanto (A.S.), telefon +1 314-694-6397.

---

## **Larangan Perdagangan Orang Dalam dan Memberi "Tip"**

Saham Syarikat kita diperdagangkan di bursa awam. Hal ini bererti, sebagai pekerja Monsanto, kita dilarang menjual beli stok Syarikat semasa memiliki maklumat bukan umum yang material. Maklumat bukan umum yang material – juga disebut maklumat orang dalam – adalah maklumat yang pada umumnya dianggap penting oleh pelabur yang berfikiran wajar dalam menentukan sama ada hendak membeli, memegang atau menjual stok syarikat. Maklumat dianggap bukan umum sehingga pasaran berpeluang menilainya, mungkin beberapa hari setelah diumumkan. Berikut adalah contoh hal-hal yang boleh dianggap maklumat orang dalam:

- Perkembangan penting berkenaan produk atau saluran penyelidikan
- Unjuran pendapatan atau kerugian akan datang
- Pemerolehan, percantuman atau penjualan aset yang penting dan belum diluluskan atau baru diusulkan
- Penyelesaian proses guaman yang besar
- Perisytiharan pecahan stok atau tawaran sekuriti tambahan
- Perubahan yang belum diumumkan dalam pengurusan kanan

Ingatlah, kita juga dilarang menjual beli stok mana-mana syarikat lain semasa memiliki maklumat orang dalam tentang syarikat itu. Selanjutnya, kita dilarang memberi "tip" kepada orang lain untuk menjual beli saham berdasarkan maklumat orang dalam yang kita miliki, atau melakukan urus niaga dana saham Syarikat dalam SIP semasa kita memiliki maklumat seperti itu. Perbuatan ini bukan sahaja melanggar dasar Monsanto, malah besar kemungkinan melanggar undang-undang. Pelanggaran undang-undang perdagangan orang dalam mendedahkan mereka yang terlibat dan Syarikat kita kepada dakwaan jenayah.

Jika ada pertanyaan tentang apa yang dimaksudkan dengan maklumat orang dalam, sila dapatkan nasihat Kumpulan Tadbir Urus Korporat Monsanto di Jabatan Undang-Undang.

## Komitmen kepada Dunia Kita

---

### Perlindungan Alam Sekitar

Di Monsanto, kita tahu sebahagian besar kejayaan kita berpunca daripada pelbagai komuniti tempat kita beroperasi. Demi melindungi pelbagai komuniti tersebut, alam sekeliling mereka dan dunia kita seluruhnya, kita berpegang pada dasar mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar di mana sahaja kita beroperasi. Dengan mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar, serta dasar dan prosedur Syarikat, kita menjamin masa depan yang lebih sempurna untuk semua pihak berkepentingan. Untuk penerangan lanjut tentang kewajipan alam sekitar di Monsanto, lihat dasar berkaitan dalam Manual Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan Monsanto.

---

S: Khairin baru selesai bekerja hari itu. Sambil keluar dari kilang pengeluaran, dia ternampak seorang rakannya membuang sesuatu yang kelihatan seperti bahan kimia, langsung ke tanah dua tiga meter dari bangunan kilang. Khairin berasa pelik mengapa rakan kerjanya disuruh berbuat begitu, kerana perbuatan itu tentu membahayakan alam sekitar. Apakah yang harus Khairin lakukan?

J: Memang patut Khairin berasa khuatir melihat apa yang nampaknya seperti pelupusan bahan kimia secara tidak wajar. Jika memang begitu yang terjadi, tiada alasan bagi perbuatan rakannya. Pelupusan bahan kimia secara tidak wajar boleh membawa padah buruk pada alam sekeliling, di samping secara langsung menjejaskan kesihatan dan keselamatan pekerja lain dan mereka yang berada dekat kilang itu. Khairin patut segera bertanya rakannya tentang perbuatan itu dan memaklumkan pengurusnya apa yang terjadi. Jika dia kurang selesa bercakap terus tentang situasi itu, dia patut serta merta melaporkan hal ini langsung kepada Pejabat Peri Laku Perniagaan.

---

### Larangan Terhadap Sogokan dan Amalan Rasuah

Sebagai sebuah organisasi antarabangsa, Syarikat kita tertakluk pada pelbagai undang-undang anti rasuah di serata dunia. Undang-undang tersebut dimaksudkan untuk membantu kita berinteraksi secara adil, beretika dan telus dengan para pegawai kerajaan. Mematuhi undang-undang anti rasuah sedunia, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing ("FCPA") Amerika Syarikat, bererti kita sendiri dan ejen kita tidak akan sekali-kali menyogok atau cuba menyogok pegawai kerajaan demi mendapatkan manfaat untuk Monsanto. Ejen pihak ketiga termasuk, tetapi tidak terbatas pada, perunding cara, penjual, penghantar kargo dan persatuan perdagangan.

Supaya jelas, sogokan bererti memberi apa jua yang bernilai, seperti hadiah, bayaran, khidmat, hiburan atau pertolongan – dalam percubaan untuk mendapatkan atau mengekalkan urusan niaga atau secara lain mempengaruhi tindakan seorang pegawai kerajaan bagi pihak Monsanto. Menurut FCPA, istilah pegawai kerajaan diberikan definisi luas, termasuk pekerja kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan, calon politik atau pekerja perniagaan atau universiti yang dimiliki atau dikuasai kerajaan. Mungkin tidak selalunya jelas siapa yang layak dianggap sebagai pegawai kerajaan. Jika ragu-ragu sama ada anda berurusan dengan pegawai kerajaan atau bukan, hubungi Pejabat Peri Laku Perniagaan sebelum meneruskan.

Kita juga jangan sekali-kali menawarkan atau menerima sogokan. Sogokan terjadi apabila kita atau ejen pihak ketiga memulangkan atau menerima kembali wang yang sudah dibayarkan atau harus dibayar, sebagai ganjaran kerana mengaturkan atau melicinkan urusan perniagaan. Harap diingat, semua interaksi kita dengan pegawai kerajaan harus terbuka dan jujur sepenuhnya. Pelanggaran undang-undang anti rasuah boleh membawa akibat yang serius, baik kepada mereka yang terlibat mahupun Monsanto. Oleh kerana itu, jangan sekali-kali memberikan apa-apa yang berharga kepada pegawai kerajaan, walaupun sesuatu yang nampaknya lazim, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Kumpulan Kerja Peri Laku Perniagaan Serantau anda. Jika ada pertanyaan tentang undang-undang anti rasuah dan anti sogokan, hubungan Kumpulan Kerja Peri Laku Perniagaan Serantau, Pejabat Peri Laku Perniagaan, atau Jabatan Undang-Undang.

### **Bayaran Kesihatan dan Keselamatan**

Di Monsanto, kesihatan dan keselamatan kita sentiasa diutamakan. Atas sebab ini, Syarikat membenarkan bayaran dibuat kepada pegawai kerajaan apabila kesihatan fizikal atau keselamatan seseorang terancam. Untuk dianggap bayaran kesihatan dan keselamatan yang sah, dan bukan sogokan yang tidak wajar, seseorang itu mesti menghadapi situasi darurat yang sebenarnya, iaitu ada bahaya segera dan buruk terhadap keselamatan seseorang.

Semua pembayaran kesihatan dan keselamatan mesti dilaporkan kepada Penasihat Umum dan Penguasa Korporat Monsanto, serta Pemimpin Undang-Undang Serantau dan Pemimpin Kewangan Serantau yang relevan dalam masa satu (1) hari urusan setelah pembayaran.

### **Urus Niaga Mata Wang yang Beretika**

Pencucian wang haram adalah percubaan oleh individu atau entiti untuk menyembunyikan wang haram atau menjadikan sumber wang itu kelihatan sah di sisi undang-undang. Wang itu mungkin diperolehi melalui kegiatan jenayah, pengganas, pengedaran dadah atau mengelakkan cukai. Banyak negara operasi kita mempunyai undang-undang yang melarang pencucian wang haram. Menjalinkan hubungan dengan orang atau kumpulan yang menjalankan pencucian wang haram boleh mencemar reputasi dan integriti Monsanto. Sejalan dengan undang-undang anti pencucian wang haram, kita tidak sekali-kali dengan sengaja menerima wang yang diperolehi melalui jalan haram. Jika mengesyaki pelanggan atau rakan niaga Monsanto mungkin terlibat dalam kegiatan pencucian wang haram, laporkan kepada Jabatan Undang-Undang dengan serta merta.

---

S: Arfan sedang berunding dengan sebuah firma perunding cara yang baru tentang khidmatnya untuk Monsanto. Lazimnya, Monsanto mendapatkan khidmat perunding cara pada kadar dan bayaran standard. Tetapi, kumpulan ini bertegas meminta kadar 50% lebih tinggi. Arfan tahu firma ini sangat berjaya dalam urusan dengan pegawai kerajaan bagi mendapatkan kelulusan kawal selia. Adakah dia patut khawatir untuk meneruskan perundingan?

J: Ya. Bayaran komisen yang luar biasa tinggi mungkin satu petanda tidak baik – terutama jika syarikat itu mempunyai rekod sangat berjaya dalam berurusan dengan pegawai kerajaan. Hal itu mungkin menandakan firma tersebut membuat bayaran tidak wajar kepada pegawai dan agensi kerajaan demi mendapatkan kelulusan kawal selia. Ini jelas merupakan amalan rasuah, yang tidak akan direlakan dan tidak akan disertai oleh Monsanto. Sebelum meneruskan perundingan, Arfan harus menghubungi Jabatan Undang-Undang bagi mendapatkan bantuan.

---

## Mematuhi Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa

Eksport dan import merupakan aktiviti harian di Monsanto. Sebagai sebuah syarikat sedunia, kita mengeksport produk ke serata dunia dan mengimport dari pelbagai negara. Perdagangan sedemikian dikawal oleh undang-undang perdagangan antarabangsa.

Eksport terjadi apabila kita mengirimkan produk, perkhidmatan, teknologi atau perisian ke sebuah entiti Monsanto atau entiti yang tidak berkaitan di negara lain. Teknologi (yakni, maklumat teknologi) yang dibekalkan melalui e-mel mahupun secara lisan kepada warga bukan AS di Amerika Syarikat atau individu di negara lain juga mungkin dianggap eksport. Sebelum mengeksport, kita mesti mengesahkan bahawa si penerima layak menerima barang itu tanpa kelulusan kerajaan sebelumnya, atau mendapatkan kelulusan kerajaan jika dikehendaki. Bagi import, Monsanto harus memastikan pembayaran sewajarnya atas semua duti atau bayaran serta mendapatkan segala permit agensi berbilang kerajaan, memfailkan dokumen keselamatan, memfailkan dokumen kemasukan kastam dan dokumentasi lain.

Jika tugas anda termasuk aktiviti perdagangan antarabangsa, pentinglah anda ketahui dan ikuti semua peraturan negara dan tempatan yang mengelola aktiviti import eksport kita. Kita semua, pekerja dan kontraktor, mesti berbincang dengan Kumpulan Perdagangan Sedunia dan Pematuhan di tempat masing-masing, *sebelum* mengambil apa-apa langkah seterusnya bagi melaksanakan eksport atau menerima import. Jika ada pertanyaan, sila hubungi Kumpulan Perdagangan Sedunia dan Pematuhan atau Jabatan Undang-Undang. Untuk penerangan lanjut, sila lihat Dasar Kastam dan Import Sedunia, serta Dasar Kawalan Eksport Sedunia.

### Undang-Undang Anti Boikot

Oleh kerana operasi sedunia kita yang luas, kita mesti terutama sekali waspada terhadap permintaan boikot tanpa izin yang dibuat oleh bakal-bakal rakan niaga kita. Banyak negara, termasuk Amerika Syarikat, mempunyai undang-undang anti boikot yang dengan tegas melarang Monsanto dan syarikat lain daripada bekerjasama dalam boikot tanpa izin, atau amalan lain yang menyekat perdagangan. Sebagai syarikat beribu pejabat di AS, kita tidak boleh mengambil tindakan atau membuat apa-apa pernyataan yang dapat dipandang sebagai penyertaan kita dalam boikot yang tidak diluluskan oleh Amerika Syarikat.

Penyertaan dalam boikot tanpa izin membawa hukuman berat. Monsanto dikehendaki melaporkan kepada kerajaan AS permintaan boikot tertentu yang sebenarnya atau disyaki. Jika menerima permintaan berkaitan boikot, secara lisan atau bertulis, maklumkan Jabatan Undang-Undang dengan serta merta.

### Sekatan Ekonomi dan Pihak Terlarang

Sekatan perdagangan dan ekonomi juga berkuat kuasa atas operasi sedunia Monsanto. Sekatan tersebut mungkin dikenakan oleh Amerika Syarikat, Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, atau negara mahupun kumpulan negara lain, dan pada umumnya menyekat urusan dengan negara tertentu. Selanjutnya, Amerika Syarikat dan bidang kuasa lain juga menyekat urusan dengan pihak tertentu yang terlarang (misalnya, individu atau entiti dalam senarai hitam) yang mungkin melakukan aktiviti seperti:

- Kegiatan pengganas
- Pengedaran dadah
- Eksport atau eksport semula teknologi terkawal secara haram



- Sokongan terlarang untuk negara yang dikenakan sekatan

Umumnya, Monsanto tidak dibenarkan mengurus niaga dengan negara, individu atau entiti yang dikenakan sekatan tanpa kelulusan kerajaan sebelumnya. Kita bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi sekatan yang dikenakan di lokasi urusan perniagaan kita. Jika ada pertanyaan tentang negara atau pihak mana yang dikenakan sekatan, hubungi Jabatan Undang-Undang.

## Sumbangan Politik dan Amal yang Wajar

Ada kalanya, Syarikat kita mungkin melibatkan diri dalam aktiviti politik yang sealiran dengan matlamat kita atau mencerminkan tujuan kita sebagai sebuah perbadanan. Apabila berbuat begitu, kita mematuhi sepenuhnya undang-undang yang meliputi aktiviti sedemikian. Di Amerika Syarikat, Monsanto juga mungkin menubuhkan dana tindakan politik yang menerima sumbangan daripada individu yang layak, atas pilihan mereka. Dana tersebut dikendalikan secara tersendiri, tanpa kaitan dengan mana-mana parti, pertubuhan atau calon politik, dan terserah kepada sesiapa pun untuk menyertainya.

Syarikat menggalakkan kita supaya ikut terlibat dalam ehwal sivik dan menyertai proses politik, dengan syarat dilakukan dalam waktu kita sendiri dan atas perbelanjaan kita sendiri. Jangan sekali-kali kita menggunakan harta, sumber, waktu atau dana Monsanto untuk aktiviti politik peribadi. Begitu juga halnya dengan apa-apa kegiatan amal atau sukarela, kecuali ditaja secara rasmi oleh Monsanto. Selanjutnya, jangan sekali-kali menggunakan teknologi Syarikat, seperti komunikasi e-mel, bagi merayu sokongan untuk sesuatu perjuangan agama atau politik yang belum diluluskan terlebih dahulu oleh Monsanto.

Syarikat kita juga mungkin melakukan kegiatan melobi, dari semasa ke semasa. Melobi mungkin bermaksud aneka rupa aktiviti, tetapi pada pokoknya meliputi komunikasi dengan pegawai kerajaan, ahli parlimen, pihak berkuasa, pegawai badan eksekutif kerajaan atau kakitangannya. Usaha melobi dikawal selia dengan ketat di seluruh dunia. Jika tanggungjawab anda termasuk melobi politik, anda mesti mengetahui dan mematuhi undang-undang yang berkenaan. Untuk penerangan lanjut, bacalah Dasar Melobi AS Monsanto. Jika bekerja di luar AS, anda patut mendapatkan nasihat wakil urusan kerajaan di rantau anda.

Akhir sekali, walaupun Syarikat kita mempunyai dasar tidak membuat sumbangan wang kepada parti politik di luar Amerika Syarikat tanpa kelulusan yang wajar, kita boleh membuat sumbangan korporat kepada parti, jawatankuasa atau calon politik AS, tertakluk pada undang-undang yang berkenaan.

---

S: Setiap tahun, Din menyertai kegiatan memungut derma yang dianjurkan oleh gerejanya. Pada tahun-tahun sebelum ini, dia mengirimkan e-mel untuk memaklumkan rakan kerjanya tentang acara itu dan mengajak mereka ikut serta atau menderma untuk kegiatan tersebut. Tetapi dia belum mendapat tahap sokongan yang dia inginkan. Tahun ini, dia berniat untuk menggiatkan usaha, mengirimkan e-mel peringatan setiap hari dan menampalkan risalah di bilik rehat, demi memberi makluman kepada rakan kerjanya. Wajarkah dia berbuat begitu?

J: Tidak. Din memang digalakkan menyertai acara amal pilihannya dan menceritakan usahanya dalam perbualan biasa dengan rakan-rakan, tetapi dia tidak boleh menggunakan komputer dan sistem e-mel Syarikat untuk meningkatkan penyertaan dalam kegiatannya. Mengirimkan e-mel seperti itu daripada akaun Monsanto boleh memberi gambaran seolah-olah kegiatannya mendapat sokongan rasmi Monsanto. Tambahan pula, perbuatannya menimbulkan gangguan yang tidak patut terjadi, terutama apabila mesej dikirimkan berlebihan-

lebih dan mungkin membangkitkan kemarahan rakan kerja yang tidak mahu turut serta. Akhir sekali, Din tidak patut menggunakan waktu Syarikat untuk kegiatannya sendiri dan tidak patut menampalkan risalah di premis Syarikat tanpa izin terlebih dahulu. Untuk penerangan lanjut tentang dasar merayu derma Monsanto, termasuk kekecualian yang terhad, sila lihat manual dasar Sumber Manusia anda.

---



## Penepian

---

Walaupun tidak pernah dijangkakan dalam Tatalaku kita, penepian boleh diberikan dalam hal-hal yang terbatas. Apa-apa penepian atau pindaan atas Tatalaku ini mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah Monsanto. Hal ini termasuk penepian yang diminta oleh pengarah dan pegawai eksekutif, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif. Selanjutnya, penepian atau pindaan tersebut mesti dimaklumkan kepada ramai sejajar dengan undang-undang berkenaan atau peraturan bursa saham.



## Pertanyaan atau persoalan? Kami dapat membantu.

---

Anda dapat menghubungi Pejabat Peri Laku Perniagaan dengan beberapa cara:  
Web: [www.contactBCOglobal.com](http://www.contactBCOglobal.com) / E-mel: [business.conduct@monsanto.com](mailto:business.conduct@monsanto.com)

Pos: Post Office Box 21526, St. Louis, Missouri 63132 USA

---

Terbitan 2013

Jika mahu, anda boleh mengemukakan persoalan atau pertanyaan tanpa pengenalan diri kepada Pejabat Peri Laku Perniagaan. Namun, demi melindungi pengenalan diri anda, sila gunakan kaedah Web atau Peti Surat untuk berkomunikasi. Pekerja Monsanto juga boleh menggunakan nombor Talian Pemberitahuan di semua lokasi tapak urusan kita di serata dunia. Nombor hubungan berkenaan boleh ditemui di laman web dalaman kita di: <http://www.monsanto.com/whoweare/Pages/business-conduct.aspx>. Dalam setiap hal, nama dan pengenalan diri pemanggil akan dirahsiakan seberapa yang dapat dan sejajar dengan kehendak undang-undang. Selain itu, harap maklum bahawa dasar Monsanto dengan tegas melarang tindakan balas dendam terhadap pekerja yang membuat aduan dengan suci hati.

Monsanto dan Vine Design<sup>®</sup> adalah tanda dagang terdaftar Monsanto Technology LLC.

©2013 Monsanto Company.

